

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT
MERTAJAM]**

SOALAN : 33

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran 'breakdown' Dana Fasilitasi (97000) bagi peruntukan di JPM dari 2011 – 2015. Sila berikan pecahan ikut tahun, projek, negeri, kos dan badan penyelaras atau penganjur.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian bantuan Dana Fasilitasi adalah satu insentif dalam bentuk geran yang disediakan oleh Kerajaan bagi merancakkan lagi pelaburan swasta termasuk syarikat-syarikat Bumiputera di dalam negara. Misi dan objektif Dana Mudahcara adalah untuk merangsang pelaburan swasta dalam bidang-bidang keutamaan strategik dan berpotensi memberi impak yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara.

Sejumlah 248 projek sektor swasta yang berkelayakan telah diluluskan bantuan Dana Fasilitasi dari tahun 2011 – 2015 dengan peruntukan keseluruhannya sebanyak RM12.385 bilion yang melibatkan nilai pelaburan swasta keseluruhannya berjumlah RM186.134 bilion. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

RINGKASAN PROJEK DANA MUDAHCARA UKAS

TAHUN	BILANGAN PROJEK	NILAI PROJEK (RM JUTA)	DANA YANG DILULUSKAN (RM JUTA)
2011	18	21,517.21	2,278.68
2012	79	40,457.13	3,535.10
2013	55	48,465.06	2,993.65
2014	51	39,713.79	2,012.21
2015	45	35,981.15	1,566.23
JUMLAH	248	186,134.34	12,385.87

Secara ringkas, pecahan projek mengikut negeri yang diluluskan bantuan Dana Fasilitasi dari tahun 2011 – 2015 pula adalah seperti berikut:

**RINGKASAN PROJEK DANA MUDAHCARA UKAS
DARI 2011 – 2015 MENGIKUT NEGERI**

BIL	NEGERI	BILANGAN PROJEK	NILAI PROJEK (RM JUTA)	DANA YANG DILULUSKAN (RM JUTA)
1	Perlis	2	140.38	17.31
2	P. Pinang	6	4,677.43	335.33
3	Kedah	6	2,145.09	186.74
4	Perak	10	1,306.90	173.38
5	Selangor	44	35,399.41	1,996.81
6	N. Sembilan	21	11,139.06	559.78
7	Melaka	20	6,862.76	537.26
8	Johor	35	30,603.91	2,761.47
9	Terengganu	5	3,736.28	287.33
10	Kelantan	5	1,264.70	133.90
11	Pahang	15	6,767.48	252.31
12	WP KL	28	37,334.40	1,914.97
13	WP Putrajaya	8	2,088.46	476.48
14	Sabah	24	25,551.21	1,577.47
15	Sarawak	19	17,116.87	1,175.33
JUMLAH		248	186,134.34	12,385.87

Projek-projek swasta yang diluluskan bantuan Dana Fasilitasi ini meliputi pelbagai sektor yang terangkum dalam bidang-bidang keutamaan strategik negara dan berpotensi memberi impak yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara. Antaranya adalah seperti berikut:

**CONTOH PROJEK-PROJEK SWASTA
YANG DILULUSKAN BANTUAN DANA FASILITASI**

BIL	SEKTOR/BIDANG	PROJEK
1	Pelancongan	▪ Gambang Resort City @ Gambang, Kuantan, Pahang;
		▪ Sipadan Mangrove Dan Sanctuary Resort di Semporna, Sabah;
		▪ Pembangunan Pure By Ri-Yaz Hotel di Sungai Petani, Kedah
2	Pendidikan	▪ Pembangunan Manipal International University (MIU), Nilai, Negeri Sembilan;
		▪ Pembangunan International University College of Automotive Malaysia (IUCAM) @ Pekan, Pahang;
		▪ Pembangunan Kolej A Level, Kolej Yayasan Saad, Ayer Keroh, Melaka
		▪ Pembangunan Projek Uniciti Alam di Mukim Titi Tinggi, Perlis
3	Kesihatan	▪ Projek Hospital KPJ Healthcare di Bandar Muar, Johor;
		▪ Cadangan Pembangunan Integrated Healthcare Facility Hospital Sungai Hijau, Kuala Lumpur
4	Pemborongan & Peruncitan	▪ Pembangunan Mydin Wholesale Hypermarket di Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu;
		▪ Proposed Development Of Premium Outlet Village Freeport, A Famosa Alor Gajah Melaka.
5	Minyak, Gas & Tenaga	▪ Petroleum Deepwater Terminal di Pengerang, Johor
6	Pengilangan	▪ Pembinaan Solar Energy Plant, Kulim Hi-Tech Park, Kedah;
		▪ Pembangunan Kilang Chocolate & Sugar

BIL	SEKTOR/BIDANG	PROJEK
		Confectionery di Kulaijaya, Johor;
		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Proposed Aircraft Carbon Disk Production and Refurbishment Centre di Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan
7	Pengangkutan & Logistik	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Meru Raya (Ipoh) Intergrated Bus Terminal; ▪ Terminal Pengangkutan Bersepadu Penang Sentral, Pulau Pinang

Setiap permohonan bantuan Dana Fasilitasi perlu dikemukakan kepada Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS JPM) selaku urus setia yang akan menilai dan mengemukakan permohonan tersebut untuk pertimbangan Jawatankuasa Tertinggi Awam Swasta (JTAS) yang dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara di mana keahliannya terdiri daripada;

- Kementerian Kewangan Malaysia;
- Unit Perancang Ekonomi JPM;
- Jabatan Peguam Negara;
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian;
- Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta; serta
- beberapa ahli jemputan berdasarkan keperluan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 34

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) sejauh mana keberkesanan Sistem Pengawasan Kamera Lampu Isyarat Merah (RLSC) dalam mengurangkan kemalangan jalan raya serta menurunkan bilangan saman yang dikeluarkan; dan
- (b) mengikut kajian Kementerian kenapa kemalangan sukar dikurangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pada tahun 2013 menunjukkan secara purata kadar pematuhan had laju di enam lokasi kamera tetap *Automated Enforcement System* (AES) meningkat dari 63% sebelum pelaksanaan AES kepada 91% selepas pelaksanaan AES bagi hari-hari bekerja (*weekdays*). Manakala bagi 4 kamera tetap AES di kawasan persimpangan lampu isyarat, kadar ketidakpatuhan lampu isyarat merah menurun dari 4.3% sebelum pelaksanaan AES kepada 2.2% selepas pelaksanaan AES.

Selain itu, analisis yang dilakukan oleh MIROS terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati kemalangan maut bagi tempoh 8 bulan sebelum pelaksanaannya telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes bagi tempoh 8 bulan selepas pelaksanaannya. Ini bermakna AES telah berjaya mengurangkan sebanyak 7 kes kemalangan maut atau 36.84% bagi tempoh 8 bulan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Analisis yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan PDRM pada tahun 2013 menunjukkan bahawa 80.5% kemalangan di Malaysia adalah berpunca dari kecuaiian manusia, 13.3% berpunca dari faktor jalan raya dan persekitaran, dan 6.2% adalah disebabkan oleh mekanikal kenderaan. Mengambil kira analisis ini, di antara punca kenapa kemalangan sukar dikurangkan adalah kerana tahap pematuhan peraturan lalu lintas di kalangan pengguna jalan raya masih kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Perkara ini adalah didorong oleh *Perception of Being Caught* (POBC) yang masih berada pada tahap yang rendah iaitu sekitar 25% pada hari-hari biasa dan 50% semasa musim-musim perayaan. Selain itu, usaha untuk menangani isu keselamatan jalan raya menjadi semakin mencabar dengan bilangan pendaftaran kenderaan yang meningkat sebanyak 1.3 juta setahun serta pertambahan kira-kira 600,000 pemandu baharu setahun.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya dinilai pencapaian keselamatan jalan raya dari aspek indeks kematian, adalah didapati indeks kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar bagi tempoh lima tahun telah menurun dari 3.05 kematian pada tahun 2011 kepada 2.55 kematian pada tahun 2015. Menyedari akan perkara ini, Kerajaan komited untuk meneruskan pelbagai intervensi keselamatan jalan raya dalam usaha untuk mengurangkan indeks kematian tersebut kepada 2.0 menjelang tahun 2020.